

Padah nak untung besar

Mohd Rizal Abdullah
mohd.rizal@hmetro.com.my

MAMPU meraih untung berlipat kali ganda dengan menjual antara RM10 hingga RM15 sehelai tudung berjenama ciplak yang biasanya dijual ratusan ringgit sehelai.

Premis perniagaan tudung di Jalan Langgar di Alor Setar itu dikesan menciplak ribuan tudung berjenama milik sebuah syarikat sebelum menjualnya secara borong sejak dua minggu lalu.

Bagaimanapun, kegiatan peniaga berkenaan berjaya dikesan sebelum premisnya diserbu penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kedah pada 12 tengah hari, hari ini.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Kedah Omar Ismail berkata, sebanyak 1,631 tudung tiruan bernilai RM24,465 dirampas dalam serbuan itu.

Menurutnya, seorang wanita berusia 28 tahun yang juga pekerja premis berkenaan turut ditahan untuk siasatan lanjut.

"Hasil pemeriksaan mendapati peniaga berkenaan memiliki dan menjual barangan menggunakan cap dagangan palsu.

"Setiap tudung berkenaan dipercayai dijual dengan harga antara RM10 sehingga RM15 sahaja.

"Peniaga terbabit turut dipercayai menjual tudung berkenaan secara borong kepada peniaga kecil di seluruh negara," katanya.

Menurutnya, kesemua tudung berkenaan dirampas dan siasatan lanjut sedang dijalankan.

Katanya, individu terbabit boleh didenda sehingga RM15,000 bagi setiap barangan tiruan mengikut Seksyen 8(2)(c) Akta Perihal Dagangan 2011 jika disabitkan kesalahan.

Artikel ini disiarkan pada : Selasa, 10 September 2019 @ 5:44 PM



Omar (tengah) bersama pegawainya menunjukkan sebahagian tudung ciplak yang dirampas dalam serbuan di sebuah premis pemborong tudung di Jalan Langgar, Alor Setar hari ini. Foto Sharul Hafiz Zam

